

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan  
Sidang Akademik 1994/95

Mei/Jun 1995

JMS 313 - Sejarah Eropah Moden

Masa: [ 3 jam ]

---

**ARAHAN**

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.
2. Jawab EMPAT soalan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.



1. Semasa meneliti isu penyebab di sebalik pencetusan Revolusi Perancis terdapat sejarawan yang cuba mengimbangkan kepentingan peranan Pemikiran Kesedaran dengan peranan faktor sosio-ekonomi. Setujukah anda dengan pendekatan ini? Perincikan jawapan anda.  
(25 markah)
2. Biar pun Napoleon telah merampas kuasa, kata Cobban, dia 'bukanlah semata-mata seorang diktator biadab yang memaksakan dasarnya tanpa keprihatinan' ke atas rakyat Perancis. Bincangkan.  
(25 markah)
3. Menurut Stearns, Revolusi-revolusi 1848 gagal kerana para liberal pada masa itu 'cuba mengendalikan satu revolusi politik tanpa satu revolusi sosial yang menyeluruh'. Bincangkan.  
(25 markah)
4. Simon mendakwa bahawa melalui hubungan antarabangsanya, Bismarck telah mencemar atau menjejaskan kualiti diplomasi di Eropah pada masanya (Bismarck). Tepatkah dakwaan ini? Beri penjelasan selanjutnya.  
(25 markah)
5. Nilai sejauh mana Lenin semasa pemerintahannya (1917 - 1924) berjaya membela nasib golongan proletariat dan petani miskin berlandaskan lunas-lunas sosialisme.  
(25 markah)
6. Menurut Deutscher, 'perbezaan asas' di antara sosialisme tradisional dengan Stalinisme terletak pada kesediaan Stalin menggunakan kekerasan bagi mengendalikan transformasi masyarakat. Setujukah anda? Berikan ulasan lanjut.  
(25 markah)
7. Adakah wajar untuk menjelaskan kebangkitan dan keganasan Nazisme di Jerman di antara Perang Dunia I dan Perang Dunia II dengan memberikan penekanan khusus dan lebih kepada personaliti Hitler berbanding faktor lain? Beri jawapan lanjut.  
(25 markah)

oooOooo